

Pihak import tilapia hitam ke Thailand akan disaman

BH 29/7/24 Pg 29

Bangkok: Syarikat utama dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pengenalan spesies ikan asing pence-roboh ke Thailand bakal ber-depan tindakan undang-undang.

Susulan kes yang didengar sejak awal Mei lalu, Majlis Peguam kini sedang bersiap sedia untuk memfailkan saman sivil terhadap syarikat swasta utama dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab membawa masuk spesies tilapia hitam ke Thailand.

Pada 10 Mei, wakil daripada 14 rangkaian di wilayah Phe-tchaburi, Samut Sakhon, dan Samut Songkhram yang ter-jejas oleh masalah tilapia hi-tam mengemukakan petisyen kepada Majlis Peguam untuk menangani dan mempercepatkan penyelesaian itu.

Mereka menggesa kerajaan menangani isu itu dengan se-gera dan mula menyaman agensi kerajaan serta syarikat swasta berkaitan yang bertang-gungjawab mengimport ikan itu serta memohon pampasan daripada pihak terbabit.

Majlis Peguam menubuhkan⁺ kumpulan kerja untuk memo-riksa kawasan yang terjejas dan menyiasat fakta untuk me-ngenal pasti pihak bertang-gungjawab mengimport tilapia hitam dan memahami mengapa spesies itu tersebar dengan be-gitu meluas.

Mereka kemudian akan memfailkan saman untuk men-dapatkan pampasan dan ganti rugi bagi penduduk yang ter-jejas.

AGENSI